



KENYATAAN AKHBAR

SEMINAR SAINS HALAL DAN TEKNOLOGI : KOSMETIK

Sabtu, 08 Zulhijjah 1432H / 5 November 2011M

Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengadakan setengah hari “Seminar Halal Sains dan Teknologi: Kosmetik” yang diadakan di Hotel Radisson, di ibu negara pada hari Sabtu 08 Zulhijjah 1432H bersamaan dengan 05 November 2011.

Tujuan seminar tersebut diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran dan kefahaman terhadap kemajuan sains Halal dan teknologi dalam bidang kosmetik dan menggunakannya bagi pembangunan kosmetik Halal di Negara Brunei Darussalam. Ianya juga diharapkan untuk mewujudkan kesedaran akan perkembangan terkini dalam pembuatan dan pengendalian kosmetik serta perkongsian maklumat dan pengalaman dalam bidang sains Halal dan teknologi.

Tetamu Kehormat pada majlis seminar itu ialah Yang Mulia Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Penceramah yang diundang untuk seminar ini ialah Mr. Kenji Takahashi, Deputy General Manager of R&D Department, Reinhalt Corporation, Jepun. Topik kertas kerja yang dibentangkan oleh beliau di seminar itu ialah “*The Halal Cosmetics: An Expert’s View and Recommendations for the Brunei Initiatives*”. Beliau menerangkan bagaimana kosmetik berasaskan sains moden boleh menyebabkan produk kosmetik berkenaan tidak Halal untuk orang-orang Islam. Sebagai contoh, penggunaan kolagen binatang (protein) dalam produk kosmetik. Beliau juga memberi pandangan dan saranan mengenai tindakan yang perlu diambil oleh pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam mengenai kosmetik Halal.

Di seminar ini, sesi soal jawab telah diadakan untuk membolehkan Penceramah dan peserta-peserta seminar berkongsi maklumat dan berbincang mengenai topik yang dibentangkan.

Antara yang hadir pada seminar itu ialah Yang Mulia Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap Pembangunan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian serta Pegawai-Pegawai Kanan dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, agensi-agensi kerajaan yang lain dan institusi-institusi akademik di Negara Brunei Darussalam.